

04 JAN 2001

DAP-Perpaduan

DAP MAHU PERSIDANGAN SEMUA PARTI MENGENAI PERPADUAN

KUALA LUMPUR, 4 Jan (Bernama) -- DAP hari ini menyeru kerajaan untuk mengadakan persidangan semua parti mengenai perpaduan rakyat Malaysia di sebalik hanya membincangkan mengenai perpaduan orang Melayu di kalangan parti-parti politik Melayu yang diusahakan oleh Umno.

Setiausaha Agung DAP Kerk Kim Hock berkata, kepimpinan DAP akan mempertimbangkan dengan serius penyertaan aktif jika diadakan perbincangan mengenai perpaduan seluruh rakyat Malaysia.

"Ia harus menjadi persidangan semua parti mengenai perpaduan Malaysia. Jika ia masalah serius membabitkan perpaduan di kalangan masyarakat Melayu maka ia juga masalah Malaysia dan kita harus melihatnya daripada konteks Malaysia," kata beliau kepada Bernama di sini, hari ini.

Kerk berkata pembabitan semua parti perlu dan bukan hanya yang mewakili masyarakat tertentu kerana persidangan mengikut kaum boleh disalah tafsir oleh masyarakat lain.

Dilaporkan hari ini Jawatankuasa Pengurusan Umno telah mengesyorkan kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mengadakan pertemuan dengan pemimpin PAS dan Keadilan untuk membincangkan perpaduan orang Melayu.

"Melihatkan tuntutan Suqui (Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia) dan tuntutan balas oleh Gabungan Penuntut Melayu Semenanjung (GPMS), Saya bimbang perbincangan berasaskan masyarakat itu akan menimbulkan spekulasi dan kebimbangan di kalangan masyarakat," katanya.

Oleh itu, katanya, jalan terbaik mencari satu penyelesaian mengenai perpaduan ialah untuk meliputi segala aspek membabitkan semua kaum.

"Lebih daripada itu, selepas 43 tahun kemerdekaan, saya percaya, adalah wajar untuk memberikan tumpuan yang lebih bagi perpaduan Malaysia ... yang setiap seorang sering membincangkan mengenainya," katanya.

-- BERNAMA

MNY AHH PR